MALAYSIA

DEWAN NEGARA

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

http://www.parlimen.gov.my

HARI SELASA, 20 DISEMBER 2016, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 26

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1343-L26384
Tuan Chia Song Cheng minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah statistik rasmi laporan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) terhadap kadar kes jenayah seluruh negara dan apakah usaha dipertingkatkan oleh Kementerian untuk mengubah persepsi rakyat terhadap kadar jenayah.

2. PN-1343-L26259
Dato' Sri Khairudin Samad minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kementerian dalam menangani ancaman keselamatan dari luar yang mampu menggugat kedaulatan negara.

3. PN-1343-L26298
Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan jumlah acara yang dirancang untuk dipertandingkan dalam Sukan SEA 2017, persiapan tempat atau venue pertandingan, aturan pertandingan dan urusetia pertandingan serta persediaan atlet negara dan komitmen persatuan-persatuan Sukan bagi acara ini.

4. PN-1343-L26118
Tuan Ramli bin Shariff minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan perancangan berimpak besar yang telah diambil / dirancang bagi orang luar bertambah tertarik dengan keistimewaan dan kelainan yang ada di Malaysia justeru menambah lagi bilangan pelancong ke dalam negara kita.

5. PN-1343-L26610
Dato' Haji Mohd. Salim bin Sharif minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah langkah pihak Kementerian dalam memastikan industri getah memperoleh kesinambungan ekonomi ekoran persaingan dengan getah sintetik.

6. PN-1343-L26687
Datuk Dr. Lucas Umbul minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan penglibatan guru dan pemegang adat kaum dari Sabah dan Sarawak sebagai panel penilai buku teks untuk mengelakkan terdapatnya unsur-unsur negatif dalam penulisan buku teks melibatkan kaum orang asal di kedua-dua negeri itu.

7. PN-1343-L26530
Dr. Ariffin bin S.M. Omar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status perpaduan di kalangan pelbagai kaum di negara ini memandangkan terdapat ketegangan antara kaum dan adakah Kerajaan akan kaji untuk menubuhkan semula Kementerian Perpaduan Negara untuk mengatasi masalah perkauman di Malaysia.

8. PN-1343-L26260
Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan baru-baru ini, polis telah berjaya menumpaskan sindiket pengemis di Perak yang melibatkan realiti isu pengemis warga asing, pengemis sindiket dan gelandangan. Para pengemis di sebalik sindiket haram mempergunakan sikap belas kasihan orang Malaysia untuk mengaut keuntungan yang cukup tinggi dan kegiatan ini perlu dihentikan. Apakah langkah yang telah Kerajaan ambil dalam menangani isu ini dengan lebih tegas.

9. PN-1343-L26195
Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah syarikat yang dianugerahkan untuk mengendalikan serta penyelengaraan mesin-mesin rawatan bagi semua klinik kesihatan mengikut negeri.

10. PN-1343-L26017
Datuk Koh Chin Han minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan selain daripada pelaksanaan Dual Language Programme, apakah langkah-langkah lain yang diambil bagi memperkasakan pembelajaran bahasa di sekolah.

11. PN-1343-L25996
Dr. Zaiedi bin Haji Suhaili minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan mengenai plan tebatan banjir yang akan dilaksanakan dalam tempoh terdekat, jangka sederhana dan jangka panjang untuk kawasan kerap banjir di kawasan Dewan Bandaraya Kuching Utara, Majlis Bandaraya Kuching Selatan, Majlis Perbandaran Padawan, Majlis Perbandaran Kota Samarahan dan Majlis Daerah Serian, Sarawak.

12. PN-1343-L26303
Dato' Hajah Norahan binti Abu Bakar minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan dewasa kini, menjadi bualan hangat di media sosial berikutan kesan negatif produk pelangsing badan, kosmetik dan ubat-ubatan :-

(a) mohon pencerahan dan menyenaraikan produk yang betul-betul berdaftar dengan Kementerian ; dan

(b) dan bagaimana produk yang tidak berdaftar dengan Kementerian tapi masih dijual di pasaran.

13. PN-1343-L26205
Datuk Ng Chiang Chin minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengenai peruntukan kepada sekolah-sekolah vernakular iaitu Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) yang masing-masing akan menerima RM 50 juta dalam Bajet 2017, adakah Kerajaan akan mempertimbangkan cadangan untuk menginstitusikan peruntukan kepada semua aliran sekolah pada masa hadapan.

14. PN-1343-L26563
Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan syarikat-syarikat yang dilantik oleh PERKESO untuk melatih semula para pekerja yang ditimpa kemalangan dalam Program Kembali Bekerja.

15. PN-1343-L26649
Dato' Jaspal Singh minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan data mengenai pekebun-pekebun getah kecil dan penoreh-penoreh getah di Malaysia dan apakah bantuan yang diberikan kepada mereka akibat kejatuhan harga getah.

16. PN-1343-L26580
Datuk Lihan Jok minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah pusat Anjung Kasih atau pusat penginapan yang telah dibina di hospital di Sarawak dan nyatakan jumlah orang yang telah menggunakan kemudahan ini.

17. PN-1343-L26087
Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan langkah memperkasa Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) agar keluar dari ruang lingkup konvensional serta tradisional malah mampu menjana ekonomi.

18. PN-1343-L25886
Datin Rahimah binti Haji Mahamad minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan kesan Brexit negara Britain ke atas perhubungan ekonomi dengan Malaysia.

19. PN-1343-L26249
Dato' Sri Khairudin Samad minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah yang diambil oleh pihak Kementerian bagi memberikan penerangan serta pendedahan kepada masyarakat berkenaan virus Zika dan adakah terdapat vaksin khas yang perlu diambil sekiranya seseorang itu terpaksa pergi ke negara yang mengalami penyebaran serius wabak ini.

20. PN-1343-L26228
Dato' Dr. Hou Kok Chung minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan pecahan jumlah pelajar tempatan dan antarabangsa yang diambil bagi sesi pengambilan 2016/2017 untuk program ijazah Sarjana Muda di setiap Universiti Awam, dan berapakah jumlah keseluruhan hasil pendapatan menerusi pungutan yuran pengajian, masing-masing untuk pelajar tempatan dan antarabangsa.

21. PN-1343-L26107
Tuan Ramli bin Shariff minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan rancangan dalam merealisasikan cita-cita negara dinobatkan sebagai Juara di Sukan Sea 2017 menjadi realiti.

22. PN-1343-L26420
Puan Hajah Khairiah binti Mohamed minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan bagaimana Kerajaan mengawal pengimportan beras luar negara daripada membanjiri pasaran dalam negara dan menjejaskan penjualan beras tempatan.

23. PN-1343-L25979
Dr. Zaiedi bin Haji Suhaili minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah nisbah jumlah penduduk dan keluasan kawasan yang menjadi ukuran untuk menubuhkan sebuah balai bomba. Dan adakah Kementerian mempunyai rancangan untuk membina Balai Bomba yang baharu di dalam kawasan Dewan Bandaraya Kuching Utara, Majlis Bandaraya Kuching Selatan dan Majlis Perbandaran Padawan, Sarawak.

24. PN-1343-L26690
Datuk Kadzim M. Yahya minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sama ada pasukan forensik dari Jabatan Kerja Raya (JKR) ada menjalankan audit pemeriksaan risiko kebakaran di hospital lama Kerajaan, terutama di Sabah.

25. PN-1343-L26740
Puan Bathmavathi Krishnan minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada audit akses telah dibuat untuk memastikan kesemua stesen keretapi di sepanjang laluan KLSentral-Padang Besar adalah mesra OKU menepati piawaian yang ditetapkan.

26. PN-1343-L26051
Dato' Adam bin Abdul Hamid minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) yang beroperasi di dalam dan di luar negara dan jumlah pelaburannya. Adakah GLC yang mengalami kerugian dan apa langkah-langkah serta strategi bagi mengatasi kerugian.

27. PN-1343-L26218
Tuan Isa bin Ab. Hamid minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah langkah dan tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan untuk penambahbaikan Organisasi Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) sebagaimana yang dicadangkan oleh SUHAKAM dalam inkuiri.

28. PN-1343-L25853
Datuk Chin Su Phin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini penambahan bilangan kerusi Parlimen bagi negeri Sabah dan Sarawak kepada 35% seperti yang termaktub dalam Perjanjian Malaysia 1963.

29. PN-1343-L25961
Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bilangan/peratusan pekerja Malaysia, termasuk mereka yang bekerja sendiri atau dalam sektor semi-formal, yang tidak dilindungi oleh mana-mana skim persaraan dan langkah-langkah yang sedang diambil untuk memperkenalkan satu skim perlindungan sosial yang lebih menyeluruh.

30. PN-1343-L26455
Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan nisbah purata harga rumah di setiap bandar di seluruh negara, khasnya di Kuching, Sibu, Bintulu dan Miri, berbanding pendapatan median isi rumah di bandar-bandar tersebut bagi tahun 2010-2016.

31. PN-1343-L26757
Dato' Chai Kim Sen minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah mekanisme baru jika mengikut Pelan Transformasi PBT yang akan digunapakai bagi memastikan peruntukan di bawah Bajet 2017 yang disalurkan kepada isu-isu penyelenggaraan kemudahan asas seperti CCTV dan lain-lain kemudahan untuk memastikan kesejahteraan penduduk bandar dilindungi dengan bijaksana.

32. PN-1343-L25876
Datin Rahimah binti Haji Mahamad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kementerian berpandangan aspek amalan, sistem dan prosedur kerja yang longgar di samping kelemahan nilai integriti dan kerohanian menjadi punca utama berlakunya ketirisan dan penyalahgunaan kuasa termasuk rasuah di kalangan penjawat awam hari ini.

33. PN-1343-L26013
Tan Sri Nalla K. S. minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status penularan wabak Zika dalam negara dan apakah perancangan Kerajaan untuk memastikan wabak ini dapat dihapuskan serta tindakan yang diambil kepada pesakit yang telah menghidap penyakit tersebut.

34. PN-1343-L26724
Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd Nor minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan kesungguhan Kerajaan dalam merealisasikan keutamaan tuntutan Veteren ATM, khususnya kepada dua golongan yang terbesar iaitu Golongan Veteren ATM yang berpencen sebelum 2003 dan golongan yang tidak berpencen.

35. PN-1343-L26672
Dato' Dr. Johari bin Mat minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah terdapat mana-mana peruntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan mengenai perkara-perkara yang belum jelas atau bertindih berhubung bidang kuasa mahkamah sivil dengan mahkamah syariah di mana ada keputusan-keputusan yang telah dibuat di mahkamah syariah boleh dicabar di mahkamah di mahkamah sivil.

36. PN-1343-L26623
Tuan Wilfred Yong Chen Leong minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci kadar kemiskinan di Sabah dan pecahannya mengikut kaum dan daerah.

37. PN-1343-L26611
Tuan Wilfred Yong Chen Leong minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah CCTV yang dipasang di seluruh negara bagi pemantaun jenayah dan adakah Kementerian bercadang untuk mewujudkan koordinasi bersama Kementerian Perumahan dan syarikat swasta bagi mengoptimumkan pemantauan yang dilakukan.

38. PN-1343-L26316
Dato’ Hajah Norahan binti Abu Bakar minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan mengenai negara kini semakin kerap berlaku kes penculikan dan percubaan penculikan dalam kalangan kanak-kanak :-

(a) nyatakan berapakah bilangan laporan polis mengenai kes penculikan dan percubaan penculikan di Negeri Pahang ; dan

(b) nyatakan langkah proaktif dalam menangani kes ini.

39. PN-1343-L26765
Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah faktor-faktor yang menghalang penglibatan belia di dalam menceburi bidang pertanian yang dianjurkan oleh pihak Kerajaan.

40. PN-1343-L26097
Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan peranan sektor Kerajaan, swasta dan warga negara termasuk generasi muda dalam memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan tidak hanya bergantung harap pada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sahaja.

41. PN-1343-L26186
Datuk Jamilah Sulaiman minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh mana kempen kesedaran pengasingan sisa pepejal di kalangan rakyat telah berjaya mencapai matlamatnya.

42. PN-1343-L26468
Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah ada kebenaran bahawa Perdana Menteri ada kecenderungan untuk mencagarkan Malaysia seperti yang digembar-gemburkan oleh pihak-pihak tertentu.

43. PN-1343-L25906
Dato' Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah Kerajaan bagi mengatasi masalah tempat letak kenderaan di hospital-hospital di seluruh negara seperti di Hospital Sultanah Nur Zahirah, Hospital Sungai Buloh, Hospital Selayang dan lain-lain.

44. PN-1343-L26410
Puan Hajah Khairiah binti Mohamed minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah penghuni di penjara seluruh negara dan bilangan banduan warga asing dengan jenis kesalahan.

45. PN-1343-L26704
Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bilangan permohonan bantuan JKM di Parlimen Batu, Wilayah Persekutuan yang diluluskan dan ditolak, jenis bantuan, kategori umur, agama, jantina, sebab permohonan ditolak atau diberhentikan.

46. PN-1343-L26215
Tuan Isa bin Ab. Hamid minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan jumlah pelajar Orang Asli di IPTS di dalam dan luar negara. Apakah inisiatif Kerajaan bagi membantu kos pengajian dan sara hidup pelajar ini.

47. PN-1343-L26645
Dato' Haji Mohd. Salim bin Sharif minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status projek perumahan Generasi Kedua Felda setakat ini dan apakah usaha penyelesaiannya setakat ini.

48. PN-1343-L25942
Datuk Norliza binti Abdul Rahim minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-

(a) tumpuan menyediakan rumah mampu milik bagi golongan paling bawah (B40) dan pertengahan (M40) serta pembeli rumah pertama; dan

(b) adakah Kementerian menetapkan harga siling bagi rumah kategori ini dan bagaimana Kementerian menangani kes Kerajaan Negeri yang membina rumah mampu milik dan di jual dengan harga di luar kemampuan golongan ini.

49. PN-1343-L26651
Dato' Jaspal Singh minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan insentif-insentif yang diberikan kepada orang muda untuk menggalakkan mereka menceburi bidang perternakan.

50. PN-1343-L26344
Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty minta **PERDANA MENTERI** menyatakan wajarkah Malaysia meneladani Komisi Pemberantasan Korupsi (KPK) Indonesia dalam menghapuskan rasuah yang ternyata diakui memberikan kesan-kesan yang sangat memberangsangkan berbanding dengan SPRM.

51. PN-1343-L26502
Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah penghargaan yang diberikan kepada kakitangan awam yang bertungkus lumus menjalankan penyelidikan sehingga ada yang berjaya mendapatkan dana khas dari luar negara.

52. PN-1343-L26068
Datuk Yoo Wei How minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan berapakah peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan untuk meningkatkan kelajuan internet jalur lebar di seluruh negara untuk menyokong inisiatif E-dagang.

53. PN-1343-L26161
Datuk Jamilah Sulaiman minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan adakah bekalan air dari sumber yang ada sekarang mencukupi untuk menampung keperluan penduduk di Lembah Kelang sehingga tahun 2050. Apakah rancangan jangka panjang Kementerian bagi memenuhi keperluan ini.

54. PN-1343-L25980
Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan insiden kemalangan dan kegelinciran keretapi KTMB pada tahun 2015 dan 2016 dengan butiran bilangan dan jenis kecederaan (kematian, cedera parah, cedera ringan), punca kemalangan dan juga kerugian yang dialami.

55. PN-1343-L25960
Datuk Koh Chin Han minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk memperkembangkan industri penternakan ikan dan pembekalan ikan dalam negara terutamanya sekarang di mana harga kian berganda akibat bekalan ikan dari laut sedang berkurangan dan strok haba.

56. PN-1343-L26662
Dato' Dr. Johari bin Mat minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan manakah tapisan yang dilakukan oleh Kementerian bagi mengeluarkan lesen, permit atau kebenaran kepada kontraktor bagi melaksanakan perkhidmatan kawalan keselamatan (PPK). Bagaimanakah pihak Kementerian memantau pengurusan PPK bagi memastikan kontraktor mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

57. PN-1343-L26565
Datuk Lihan Jok minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dengan perkhidmatan Grab Car atau UBER yang begitu berleluasa di Kuala Lumpur, apakah ini akan bersaing dengan perkhidmatan teksi sekarang.

58. PN-1343-L26394
Tuan Chia Song Cheng minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah sebab-sebab kadar kes ragut meningkat menurut laporan Utusan pada 19 Okt 2016 yang memetik ucapan YAB Timbalan Perdana Menteri dan apakah tindakan Polis Di Raja Malaysia mengatasi masalah ini.

59. PN-1343-L26078
Datuk Yoo Wei How minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan rancangan pembinaan pelabuhan baru atau penaiktarafan pelabuhan yang bakal dijalankan dan adakah ini akan menyebabkan pelabuhan terbengkalai pada masa depan akibat ekonomi yang semakin merosot.

60. PN-1343-L26521
Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-

(a) apakah halangan dan punca-punca yang mengakibatkan projek-projek perumahan rakyat tidak dapat dibina dan dilaksana mengikut perancangan yang telah digaris dan telah pun mempunyai peruntukan kewangan; dan

(b) apakah langkah segera dan jangka panjang pihak Kementerian menangani masalah tersebut memandangkan pemohon rumah rakyat kian bertambah.

61. PN-1343-L25932
Datuk Norliza binti Abdul Rahim minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang mengenakan cukai terhadap pekerja asing termasuk pekerja asing pakar (“expatriate”).

62. PN-1343-L26438
Puan Hajah Azizah binti Harun minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah semua dokumen-dokumen atau laporan-laporan mesyuarat Kerajaan perlu di muatnaik ke laman sesawang sesuatu Kementerian untuk dilihat oleh orang awam. Apakah prosedur sekiranya ada agensi awam dari luar negara yang meminta dokumen dan laporan tersebut.

63. PN-1343-L26189
Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah usaha yang telah dan sedang diambil oleh Kementerian dalam memastikan kanak-kanak kita selamat serta bebas daripada aktiviti penculikan seperti mana yang dilaporkan dalam media masa serta nyatakan kedudukan sebenar kes penculikan kanak-kanak di negara ini.

64. PN-1343-L26730
Laksamana Tan Sri Dato' Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd Nor minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan berapakah jumlah permohonan rumah Bina Baru dan baik Pulih Veteren ATM di bawah National Blue Ocean Strategy (NBOS) yang didapati layak untuk dilaksanakan setakat ini. Apakah langkah Kementerian untuk mengatasi lebihan angka permohonan yang layak berbanding dengan kuota peruntukan tahunan berdasarkan peruntukan kemampuan kewangan semasa Kerajaan.

65. PN-1343-L26333
Dato' Indera Hoh Khai Mun minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah pendirian Kementerian memperkasakan 3R dengan rewarding recycling initiative sebagaimana yang telah dilaksanakan di Kulim, Kedah dalam programme of recycling for life.

66. PN-1343-L25922
Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapa Kementerian masih memberi kebenaran kepada perarakan puluhan ribu orang ramai yang dikatakan aman.

67. PN-1343-L26540
Dr. Ariffin bin S.M. Omar minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah visi dan misi Yayasan Tunku Abdul Rahman telah tercapai dan berapa ramai pelajar-pelajar telah menerima manfaat daripada Yayasan ini sejak ia ditubuhkan.

68. PN-1343-L26036
Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

(a) penularan aktiviti mempromosi DAESH di kalangan warga asing dan tempatan yang semakin berleluasa hari ini; dan

(b) bagaimana pihak keselamatan bercadang membendung aktiviti ini selain dari melakukan tangkapan dan memberi penerangan kisah sebenar yang tersurat kepada masyarakat yang belum memahami erti sebenar perjuangan jihad dalam Islam.

69. PN-1343-L26243
Dato' Goonasakaran a/l Raman minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah Kerajaan sedar terdapat ramai di antara mereka yang berbakat dan boleh diketengahkan sebagai jaguh sukan dalam pelbagai bidang berada di kampung- kampung dan tiada peluang mengasah bakat mereka. Mereka ini sekadar jaguh kampung sahaja. Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam menjejaki mereka seterusnya mengetengahkan mereka dalam usaha melahirkan lebih ramai atlet kebanggaan di peringkat negeri dan negara tanpa mengira bangsa dan agama.

70. PN-1343-L26360
Datuk Zali bin Mat Yasin minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan melalui bajet yang telah diumumkan tempoh hari, sebanyak RM 1.8 billion telah diperuntukan kepada PDRM di mana bajet ini antaranya ialah membina 12 ibu pejabat daerah, pusat latihan komando 69 dan untuk kenderaan. Persoalannya bagaimana balai balai polis lama yang telah usang bangunannya dan kediaman mereka yang semakin lama. Adakah Kementerian mempunyai perancangan dan bajet untuk menaiktaraf bangunan-bangunan ini.

71. PN-1343-L26136
YBM Engku Naimah bt Engku Taib minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah rumah mampu milik yang telah siap dibina tetapi gagal untuk dijual dan nyatakan langkah Kerajaan bagi mengatasi masalah kesukaran untuk mendapatkan pembiayaan kewangan daripada bank atau institusi kewangan untuk membeli rumah.

72. PN-1343-L26349
Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah pekerja asing mengikut pecahan negara dan profesion.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1.	(D.R. 5/2016)	Rang Undang-Undang Ordinan Peguam Bela (Sabah) (Pindaan) 2016 **[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]**	**Bacaan Kali Yang Kedua**
2.	(D.R. 24/2016)	Rang Undang-undang Kesalahan Yang Berhubungan Dengan Anugerah 2016 **[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]**	“
3.	(D.R. 19/2016)	Rang Undang-undang Lambang dan Nama (Mencegah Penggunaan Tak Wajar) (Pindaan) 2016 **[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]**	“
4.	(D.R. 22/2016)	Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia 2016 **[Menteri Pengangkutan]**	“
5.	(D.R. 23/2016)	Rang Undang-undang Penerbangan Awam (Pindaan) 2016 **[Menteri Pengangkutan]**	“

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT (DEWAN NEGARA)

TAHUN 2016	RISALAT/DOKUMEN	TARIKH DIBENTANGKAN
ST. 138	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia Bagi Tahun 2015	20 Disember 2016
ST.165	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) Bagi Tahun 2015	20 Disember 2016
ST.175	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Malaya Bagi Tahun 2015	20 Disember 2016
ST.181	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) Bagi Tahun 2015	20 Disember 2016
ST.183	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Bagi Tahun 2015	20 Disember 2016
ST.184	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) Bagi Tahun 2015	20 Disember 2016
ST.185	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) Bagi Tahun 2015	20 Disember 2016
ST.193	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) Bagi Tahun 2015	20 Disember 2016
ST.194	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia Bagi Tahun 2015	20 Disember 2016
ST.199	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Institut Penyelidikan dan kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) Bagi Tahun 2015	20 Disember 2016
ST.203	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Jurukur Tanah Malaysia Bagi Tahun 2015	20 Disember 2016

TAHUN 2016	RISALAT/DOKUMEN	TARIKH DIBENTANGKAN
ST.204	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) Bagi Tahun 2015	20 Disember 2016